



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

(Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

Bil Iklan: DBKU/1/2013

1. a) **Jawatan:** Pegawai Tadbir Gred N41
(1 kekosongan)
b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pengurusan dan Profesional
d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Transformasi dan Innovasi
2. **Jadual Gaji Pegawai Tadbir N41:-**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
P1T1 RM1,910.02	- RM5,468.52
P2T1 RM2,016.94	- RM5,782.96
P3T1 RM2,128.58	- RM5,124.30

3. Skop Tugas Utama (Ringkasan)

Membantu Ketua Bahagian dalam tugas-tugas :-

- a) menyelaras aktiviti dan program Perancangan Strategik dan 'Balanced Scorecard'.
- b) menyelaras aktiviti dan program Sistem Pengurusan Bersepadu – MS ISO 9001, MS ISO 14001 dan OHSAS 18001.
- c) menyelaras aktiviti dan program Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM).
- d) Tugas pentadbiran yang berkaitan.

4. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan; atau (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T3); atau (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T4); dan
- d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Pegawai Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tanah, Penghulu dan Setiausaha Pejabat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke Jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan , apabila telah disahkan dalam jawatan dan:-

- a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 4 (c) di atas;
atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

6. Syarat-syarat Tambahan:-

- a) 3 tahun pengalaman bekerja di bidang yang berkaitan.
- b) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Taraf Jawatan : Kontrak

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, sila hantar permohonan dengan menulis surat yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada :-

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Dewan Bandaraya Kuching Utara
Tingkat 3, Bangunan DBKU
Bukit Siol, Jalan Semariang
Petra Jaya, 93050, Kuching**

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut :-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

Tarikh Tutup Permohonan: 15 Februari 2013

Catatan Am :

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai tapis sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

